



ASEAN

35 Tahun



SALEHAH ABDULL HAK



*JABATAN PERKHIDMATAN PENERANGAN MALAYSIA
SIRI PENGETAHUAN AM
2002*



theast Asia Map

PHILIPPINES




28 SEP 2002

NASKAH PEMELIHARAAN
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

APB 01077601



Bendera Negara-Negara ASEAN



Bendera ASEAN



LOGO ASEAN

Logo ASEAN melambangkan sebuah pertubuhan yang stabil, aman, bersatu padu dan dinamik. Warna yang digunakan dalam logo ini ialah biru, merah, putih dan kuning melambangkan warna-warna utama gencana kesemua negara anggota ASEAN.

- Biru melambangkan keamanan dan kestabilan.
- Merah menunjukkan keberanian dan dinamik.
- Putih melambangkan kemurnian.
- Kuning mencerminkan kemewahan.

Sepuluh tangkai padi melambangkan impian Bapa-bapa Pengasas ASEAN untuk menyatukan kesemua sepuluh negara anggota pertubuhan ini melalui ikatan persaudaraan dan perpaduan. Bulatan pula mencerminkan perpaduan di dalam ASEAN

ISBN 983-54

Cetakan Pertama

Hakcipta Terpelihara :

**Jabatan Perkhidmatan Penerangan
Malaysia 2002**

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, gambar dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada penerbit.

Diterbitkan di Malaysia oleh:

Ketua Pengarah

Jabatan Perkhidmatan Penerangan Malaysia

Tingkat 6-13, Wisma BERNAMA

Jalan Tun Razak

50612 Kuala Lumpur

MALAYSIA

Tel: 03-2698 3355

Faks: 03-2693 8625

Laman Web:

<http://www.penerangan.gov.my>

e-mail: webmaster@penerangan.gov.my

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Salehah Abdull Hak, 1961-

ASEAN 35 Tahun / Salehah Abdull Hak.

(Siri Pengetahuan Am)

ISBN 983-54-0318-X

1. ASEAN --History.

2. ASEAN--Politics and Government.

3. ASEAN-- Economic Policy.

4. International Relations. Judul.

II. Siri.

959

Teks disediakan oleh:

Salehah Abdull Hak

Bahagian Penerbitan

Terjemahan Oleh:

Mansor Yunus

Samsudin Puteh

Dicetak di Malaysia oleh:

Percetakan Naz Sdn Bhd

No. 33, Persiaran Mewah

Bandar Tun Razak, Cheras

56000 Kuala Lumpur

Tel: 03-9172 1681 / 9172 2650

Faks: 03- 9172 1698

Reka Bentuk Kulit oleh:

Masran Othman

Bahagian Pengeluar Visual

Rupa taip teks: Times

Saiz taip teks: 11 / 14

KANDUNGAN

ASEAN 35 Tahun (Siri Pengetahuan Am)

Bab Satu PENGENALAN	1
Bab Dua SEJARAH PENUBUHAN	9
Bab Tiga MATLAMAT PENUBUHAN	15
Bab Empat ORGANISASI ASEAN	19
Bab Lima KERJASAMA POLITIK DAN KESELAMATAN	27
Bab Enam KERJASAMA EKONOMI	33
Bab Tujuh KERJASAMA FUNGSIAN	45
Bab Lapan HUBUNGAN LUAR RANTAU ASEAN	61
Bab Sembilan HALA TUJU ASEAN MENJELANG 2020	67
Bab Sepuluh PENUTUP	77
Lampiran PERISTIWA PENTING	81



Prakata



PADA hari ini ramai yang tidak mengetahui dengan jelas mengenai ASEAN dan Sejarah penubuhannya. Oleh itu, sebagai usaha untuk meningkatkan ilmu pengetahuan dan kesedaran rakyat Malaysia mengenai ASEAN, Jabatan Perkhidmatan Penerangan telah mengambil inisiatif untuk menerbitkan sebuah buku kecil siri Pengetahuan Am, bertajuk "ASEAN 35 Tahun".

Melalui penerbitan ini diharapkan rakyat Malaysia berpeluang mengetahui dengan lebih jelas mengenai ASEAN sebagai sebuah pertubuhan kerjasama serantau yang telah wujud sejak tahun 1967. Pada 8 Ogos, 2002 ASEAN akan menyambut ulangtahun penubuhannya yang ke-35.

Ini bermakna ASEAN sebagai sebuah pertubuhan serantau yang stabil telah berjaya mengekalkan identitinya untuk melahirkan satu gagasan rantau ASEAN yang bersatu padu, aman damai dan maju jaya sebagaimana yang diharapkan oleh Ketua-ketua Kerajaan ASEAN dalam Wawasan 2020 ASEAN : Perkongsian Bagi Pembangunan Dinamik.

Matlamat asal penubuhan ASEAN untuk menyatupadukan kesemua negara di Asia Tenggara di



bawah satu Pertubuhan telah terlaksana apabila kesemua sepuluh buah negara di Asia Tenggara telah menganggotai ASEAN. Ini memudahkan anggota ASEAN bekerjasama melalui semangat kesamarataan dan persaudaraan bagi mengecapi keamanan, kestabilan dan pembangunan di rantau ini.

Akhir sekali adalah diharapkan buku ini dapat memberikan manfaat dan faedah kepada sesiapa yang membacanya.

Sekian, selamat menyambut ulang tahun ASEAN ke-35.

MOHAMAD SALLEH BIN RAFIE
Ketua Pengarah
Perkhidmatan Penerangan Malaysia
8 Ogos 2002



BAB SATU

Pengenalan

ASEAN dikenali oleh masyarakat antarabangsa sebagai model pertumbuhan serantau yang berjaya. Sewaktu penubuhannya, banyak pihak meramalkan ASEAN tidak akan kekal lama sebagaimana yang dialami SEATO, ASA dan MAPHILINDO kerana terdapat pelbagai faktor yang tidak

memihak kepadanya terutama sekali pertikaian yang wujud di kalangan negara-negara yang menganggotainya. Bagaimanapun, berkat pendekatan secara musyawarah yang diamalkan dalam menangani sesuatu masalah telah membolehkan pertumbuhan ini terus maju.



Ketua-Ketua Kerajaan ASEAN bergambar kenangan sempena Sidang Kemuncak ASEAN Ketujuh yang berlangsung di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam pada 5 November 2001



Mesyuarat Tahunan Peringkat Menteri ASEAN ke-24 pada 19 - 24 Julai 1991 di Kuala Lumpur, Malaysia

Ketika memuncaknya krisis kewangan Asia Timur pada tahun 1997 - 1998, sama seperti negara-negara Asia Timur yang lain, negara-negara ASEAN kelihatan seolah-olah menghadapi masa depan yang gelap manakala idea mengenai pembentukan masyarakat ASEAN nampaknya tidak akan berhasil. Kesan ekonomi yang dihasilkan oleh krisis tersebut sukar diramal. Ia menjadikan berjuta-juta orang menderita akibat kemiskinan dan menjejaskan kehidupan golongan

pertengahan yang sedang muncul di Asia Tenggara. Banyak negara beranggapan bahawa ekonomi ASEAN akan mengambil masa beberapa dekad untuk pulih semula dan negara-negara anggota ASEAN akan terpisah dan membawa haluan masing-masing.

Bagaimanapun, apa yang memeranjatkan banyak pihak, negara-negara ASEAN sebaliknya menjadi rapat antara satu dengan lain ketika menghadapi krisis tersebut. Negara-negara ini telah ber-

jaya menghadapi badai tersebut dan kembali mencatat pertumbuhan ekonominya semula. Kemampuan ASEAN bangun semula selepas krisis tersebut jelas membuktikan kekuatan dan ketahanan negara-negara anggotanya.

Salah satu sebab yang membawa kepada pemulihan pantas negara-negara ASEAN

serta faktor yang menjadi daya tahan kepada pertumbuhan serantau ini ialah hubungan rapat serta perpaduan yang sentiasa subur dalam pertumbuhan ini sejak 35 tahun kewujudannya. Walaupun mempunyai perbezaan dari segi geografi, politik, corak ekonomi serta budaya, negara-negara ASEAN mempunyai seman-



Perdana Menteri Malaysia Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad, dan Presiden Filipina, Gloria Macapagal Arroyo bergambar kenangan sempena Majlis Menandatangani Perjanjian Pertukaran Maklumat dan Prosedur Komunikasi untuk mempertingkatkan kerjasama menangani jenayah merentasi sempadan bersama. Pada majlis tersebut Indonesia diwakili oleh Menteri Luarnya N. Hasyun Wijayuda, Malaysia diwakili oleh Datuk Seri Syed Hamid Albar manakala Filipina diwakili oleh Setiausaha Dalamann dan Tempatnya, Jose D.Lina Jr.



Kerjasama dalam Perbankan dan Kewangan telah menghasilkan beberapa kejayaan membanggakan. Antaranya ialah "Asean Swap Arrangement" oleh Bank-Bank Pusat ASEAN dan Pihak-Pihak Berkuasa Kewangan. Memorandum Persefahaman "Asean Swap Arrangement" ini telah ditandatangani pada Ogos 1977 antara wakil Bank-Bank Pusat ASEAN dan Pihak Berkuasa Kewangan

gat kekitaan yang tinggi di samping identiti serantau yang sama. Ringkasnya, mereka bersatu dalam pelbagai perkara.

Setiap anggota telah belajar menyusun semula kepentingan masing-masing dalam suasana yang mengizinkan dalam ASEAN. Setiap anggota juga sedar tentang pegangan yang ter-

dapat dalam pertubuhan ini bahawa tiada mana-mana negara yang mempunyai kelebihan atau keistimewaan berbanding negara anggota lain semua berdasarkan konsensus. Setiap anggota ASEAN mempunyai kedaulatan masing-masing.

Kini 35 tahun selepas penubuhannya, ASEAN terus giat berusaha menunaikan hara-

pan anggota-anggotanya untuk mewujudkan kestabilan dan kemakmuran dengan menjalin hubungan kerjasama yang akan menjurus ke arah mengekalkan keamanan dan keselamatan serantau.

ASEAN telah berfungsi sebagai jentera untuk meredakan pertikaian antara negara-negara anggotanya. Kemampuan ASEAN untuk bersehaluan suara dan pendirian mengenai pelbagai perkara penting dalam arena antarabangsa telah menjadikan-

nya gabungan yang dihormati oleh kuasa-kuasa besar dunia dan ASEAN muncul sebagai salah sebuah pertubuhan serantau berpengaruh di dunia.

Pada hari ini ASEAN meliputi tiga zon waktu, menyatupadukan sebahagian besar kawasan kontinent dan beberapa banjaran Asia. ASEAN adalah kawasan aman dengan jumlah penduduknya seramai 515 juta, meliputi kawasan seluas lebih kurang 4.5 juta kilometer persegi. Selama tiga dekad ASEAN



Ketua-Ketua Kerajaan ASEAN bertukar-tukar pandangan semasa waktu rehat sempena Sidang Kemuncak Tidak Rasmi ASEAN Kedua di Kuala Lumpur, Malaysia.



Ketua-Ketua Kerajaan ASEAN bergambar kenangan sempena Mesyuarat Tahunan Peringkat Menteri ASEAN Ke-30 di Kuala Lumpur, Malaysia



Sidang Kemuncak Tidak Rasmi ASEAN Kedua berlangsung di Kuala Lumpur. Dalam sidang ini Ketua-Ketua Kerajaan ASEAN menerima pakat Wawasan 2020 ASEAN yang mengartikan hula tuju ASEAN.



Ketua-Ketua Kerajaan ASEAN dan isteri bergambar kenangan sempena Sambutan 30 Tahun penubuhan ASEAN yang berlangsung di Kuala Lumpur pada Disember 1977.

telah mencapai pertumbuhan ekonomi yang membanggakan dengan jumlah perdagangan sebanyak AS\$ 720 bilion pada tahun 1999. ASEAN telah menjadi perintis dalam integrasi ekonomi serantau di kalangan negara-negara membangun.

Semangat persefahaman ini adalah hasil ikrar pemimpin-pemimpin ASEAN semasa Persidangan Kemuncak Tidak Rasmi ASEAN Kedua yang berlangsung di Kuala Lumpur

pada 15 Disember 1997 telah menggariskan Wawasan 2020 ASEAN. ASEAN berhasrat mewujudkan sebuah masyarakat negara-negara Asia Tenggara yang hidup dalam aman, stabil dan makmur disatukan dengan perkongsian pembangunan yang dinamik dalam masyarakat yang penyayang, tidak memusuhi antara satu sama lain atau mana-mana negara di dunia.



BAB DUA

Sejarah Penubuhan

PERTUBUHAN Negara-negara Asia Tenggara ringkasnya ASEAN (Association of Southeast Asian Nations) ditubuhkan pada 8 Ogos, 1967 di Bangkok, Thailand. Sejarah kelahiran ASEAN bermula apabila lima pemimpin Negara di

Asia Tenggara mengadakan pertemuan bertempat di Dewan Utama, Kementerian Luar Negeri, Bangkok, Thailand. Pertemuan kelima-lima Menteri Luar ini telah mendorong mereka menandatangani dokumen penubuhan ASEAN. Dokumen



Perdana Menteri Malaysia pertama, YAM Tunku Abdul-Rahman Putra di Majlis Perasmian Mesyuarat Keempat Menteri Luar ASA (Association of Southeast Asia) di Kuala Lumpur, Malaysia. Beliau disambut oleh Menteri Luar Malaysia, Tun Abdul Razak, Menteri Luar Thailand, Thanat Khoman dan Narciso R. Ramos, Setiausaha Luar, Filipina.



Menteri Luar Thailand Thanat Khoman (ditengah) diapit oleh Adam Malik, Menteri Luar Indonesia dan Tun Abdul Razak, Menteri Luar Malaysia selepas menandatangani "Bangkok Accord" pada tahun 1966, bagi menamatkan konfrantasi antara Indonesia dan Malaysia.

yang ditandatangani dikenali sebagai Deklarasi ASEAN yang juga disebut sebagai Deklarasi Bangkok ini telah ditandatangani oleh lima buah negara anggota pengasas iaitu Indonesia, Malaysia, Filipina, Singapura dan Thailand. Bapa-Bapa pembentukan ASEAN terdiri daripada Adam Malik dari Indonesia, Tun Abdul Razak dari Malaysia, Narcisco R. Ramos dari Filipina, S. Rajaratnam dari Singapura dan Thanat Khoman dari Thailand.

Terbentuknya ASEAN hasil daripada cetusan rasa beberapa pemimpin negara Asia Tenggara yang inginkan keamanan serantau kerana pada awal tahun 1960an, negara-negara di rantau Asia Tenggara sering menghadapi ancaman pihak komunis. Bagi mengatasi masalah tersebut Perdana Menteri Malaysia ketika itu, YAM Tunku Abdul Rahman Putra telah mencadangkan penubuhan sebuah pertubuhan serantau di Asia

Tenggara yang menitikberatkan hal-ehwal keselamatan, ekonomi dan kewangan. Oleh itu pada 31 Julai 1961, Pertubuhan Rantau Asia Tenggara (ASA – Association Of Southeast Asia) ditubuhkan di Bangkok, Thailand. ASA adalah pertubuhan kerjasama serantau pertama ditubuhkan di rantau ini yang dianggotai oleh tiga buah negara bukan komunis di Asia Tenggara iaitu Malaysia, Filipina

dan Thailand. Hasil daripada penubuhan ASA ini ancaman komunis telah dapat dibendung serta dapat mengawal harga bijih timah dan getah di pasaran antarabangsa.

Pada 27 Mei 1961, Tunku Abdul Rahman telah mencadangkan penubuhan Gagasan Malaysia semasa majlis makan tengahari anjuran Kelab Wartawan Asia Pasifik di Singapura. Tetapi



Bapa-bapa pengasas ASEAN (dari kiri ke kanan): Narciso Ramos - Filipina, Adam Malik - Indonesia, Thanat Khoman - Thailand, Tun Abdul Razak - Malaysia dan S. Rajaratnam - Singapura.

cadangan tersebut telah mendapat bantahan dari Indonesia, Filipina dan beberapa lagi negara rantau Asia Tenggara. Pada tahun 1963 Presiden Macapagal dari Filipina telah mencadangkan pembentukan MAPHILINDO singkatan bagi Malaysia, Filipina dan Indonesia tetapi gagal diteruskan. Pada tahun 1966 berlaku perubahan suasana politik dengan kemunculan Order Baru yang membawa kepada tamatnya konfrontasi antara Malaysia dan Indonesia dan

seterusnya mengeratkan hubungan dua hala negara berkenaan. Malaysia dan Singapura telah berpisah pada tahun 1965 dan kedua-dua negara telah berusaha menjalin perhubungan dua hala. Perubahan Kerajaan di Filipina pada tahun 1966 telah membuka jalan bagi Malaysia dan Filipina memperbaiki hubungan diplomatik antara kedua negara. Kesemua perkembangan positif serta Perang Indo-China telah mendorong ke arah pembentukan ASEAN.



Ketua-Ketua Kerajaan ASEAN bergambar kenangan semasa menghadiri Sukan Kemuncak ASEAN Pertama di Bali, Indonesia pada 1976. (Dari kiri ke kanan) Perdana Menteri Malaysia Datuk Hussein Oni, Perdana Menteri Singapura Lee Kuan Yew, Presiden Indonesia Presiden Suharto, Presiden Ferdinand Marcos dari Filipina dan Perdana Menteri Thailand Kukrit Pramoj.

Matlamat penubuhan ASEAN dari awal adalah jelas, iaitu bertujuan menyatupadukan kesemua sepuluh negara di Asia Tenggara melalui semangat bekerjasama, kesamaan dan persaudaraan bagi mengecapi keamanan, kestabilan dan pembangunan di rantau ini.

ASEAN merupakan sebuah pertubuhan kerjasama serantau yang dibentuk selepas usaha mewujudkan Pertubuhan Rantau Asia Tenggara ringkasnya (ASA – Association of Southeast Asia) pada tahun 1961 di Bangkok. Thailand dan MAPHILINDO pada tahun 1963 telah tidak dapat menyatukan negara-negara rantau Asia Tenggara yang sedang mengalami konflik pada ketika itu. Memandangkan pada masa itu, beberapa buah negara berada dalam keadaan huru-hara kerana sedang berjuang untuk keamanan dan juga kemerdekaan, oleh itu hanya lima buah negara sahaja menandatangani Deklarasi ASEAN tersebut.


ASEAN pada mulanya hanya dianggotai oleh lima buah negara sahaja iaitu Indonesia, Malaysia, Filipina, Singapura dan Thailand merangkumi kawasan seluas 3 juta kilometer persegi dengan

jumlah penduduk anggaran 290 juta pada tahun 1985.

ASEAN kini dianggotai oleh sepuluh buah negara Asia Tenggara dengan kemasukan Kemboja pada 30 April 1999 selepas 32 tahun ianya ditubuhkan. (Brunei Darussalam menganggotai ASEAN pada 7 Januari 1984, Vietnam pada 28 Julai 1995 sementara Laos dan Myanmar pada 23 Julai 1997 dan Kemboja pada bulan April 1999). Pertubuhan ini bukan sahaja telah berjaya mengumpulkan kesemua negara di Asia Tenggara malahan ia telah mengenalpasti matlamatnya yang asal semasa penubuhannya.



Bangunan Edifliron yang terletak bertentangan dengan Taman Merlion dulunya merupakan markas pertubuhan terpenting bagi Singapura



BAB TIGA

Matlamat Penubuhan

PEMIMPIN-PEMIMPIN ASEAN telah menetapkan matlamat dan tujuan penubuhan ASEAN seperti yang terkandung dalam Deklarasi Bangkok bertarikh 8 Ogos 1967 terutamanya untuk mempertingkatkan kerjasama serantau di Asia Tenggara dalam semangat kesamarataan dan perkongsian bagi menyumbang ke arah keamanan, kemajuan dan kemakmuran rantau ini.



Deklarasi ASEAN juga dikenali sebagai Deklarasi Bangkok ditandatangani oleh lima negara anggota pengasas ASEAN. Menteri Luar yang menandatangani Deklarasi tersebut ialah (dari kiri ke kanan): Narciso R. Ramos - Filipina, Adam Malik - Indonesia, Thanat Khoman - Thailand, Tun Abdul Razak - Malaysia dan S. Rajaratnam - Singapura.

The Asean Declaration

(Bangkok Declaration)

BANGKOK, 8 AUGUST 1967

The Presidium Minister for Political Affairs/Minister for Foreign Affairs of Indonesia, the Deputy Prime Minister of Malaysia, the Secretary of Foreign Affairs of the Philippines, the Minister for Foreign Affairs of Singapore and the Minister of Foreign Affairs of Thailand:

MINDFUL of the existence of mutual interests and common problems among countries of South-East Asia and convinced of the need to strengthen further the existing bonds of regional solidarity and cooperation;

DESIRING to establish a firm foundation for common action to promote regional cooperation in South-East Asia in the spirit of equality and partnership and thereby contribute towards peace, progress and prosperity in the region;

CONSCIOUS that in an increasingly interdependent world, the cherished ideals of peace, freedom, social justice and economic well-being are best attained by fostering good understanding, good neighbourliness and meaningful co-operation among the countries of the region already bound together by ties of history and culture;

CONSIDERING that the countries of South-East Asia share a primary responsibility for strengthening the economic and social stability of the region and ensuring their peaceful and progressive national development, and that they are determined to ensure their stability and security from external interference in any form or manifestation in order to preserve their national identities in accordance with the ideals and aspirations of their peoples;

AFFIRMING that all foreign bases are temporary and remain only with the expressed concurrence of the countries concerned and are not intended to be used directly or indirectly to subvert the national independence and freedom of States in the area or prejudice the orderly processes of their national development;

DO HEREBY DECLARE:

FIRST, the establishment of an Association for Regional Cooperation among the countries of South-East Asia to be known as the Association of South-East Asian Nations (ASEAN).

SECOND, that the aims and purposes of the Association shall be:

- 1** To accelerate the economic growth, social progress and cultural development in the region through joint endeavours in the spirit of equality and partnership in order to strengthen the foundation for a prosperous and peaceful community of South-East Asian Nations;
- 2** To promote regional peace and stability through abiding respect for justice and the rule of law in the relationship among countries of the region and adherence to the principles of the United Nations Charter;
- 3** To promote active collaboration and mutual assistance on matters of common interest in the economic, social, cultural, technical, scientific and administrative fields;
- 4** To provide assistance to each other in the form of training and research facilities in the educational, professional, technical and administrative spheres;

5 To collaborate more effectively for the greater utilization of their agriculture and industries, the expansion of their trade, including the study of the problems of international commodity trade, the improvement of their transportation and communications facilities and the raising of the living standards of their peoples;

6 To promote South-East Asian studies;

7 To maintain close and beneficial cooperation with existing international and regional organizations with similar aims and purposes, and explore all avenues for even closer cooperation among themselves.

THIRD, that to carry out these aims and purposes, the following machinery shall be established:

1 Annual Meeting of Foreign Ministers, which shall be by rotation and referred to as ASEAN Ministerial Meeting. Special Meetings of Foreign Ministers may be convened as required.

2 A Standing Committee, under the chairmanship of the Foreign Minister of the host country or his representative and having as its members the accredited Ambassadors of the other member countries, to carry on the work of the Association in between Meetings of Foreign Ministers.

3 Ad-Hoc Committees and Permanent Committees of specialists and officials on specific subjects.


4 A National Secretariat in each member country to carry out the work of the Association on behalf of that country and to service the Annual or Special Meetings of Foreign Ministers, the Standing Committee and such other committees as may hereafter be established.

FOURTH, that the Association is open for participation to all States in the South-East Asian Region subscribing to the aforementioned aims, principles and purposes.

FIFTH, that the Association represents the collective will of the nations of South-East Asia to bind themselves together in friendship and cooperation and, through joint efforts and sacrifices, secure for their peoples and for posterity the blessings of peace, freedom and prosperity.

DONE in Bangkok on the Eighth Day of August in the Year One Thousand Nine Hundred and Sixty-Seven.

FOR THE REPUBLIC OF INDONESIA:




ADAM MALIK
President Minister for Political Affairs
Minister for Foreign Affairs

FOR THE REPUBLIC OF THE PHILIPPINES:



NARCISO RAMOS
Secretary of Foreign Affairs

FOR THE REPUBLIC OF SINGAPORE:



S. RAJARATNAM
Minister of Foreign Affairs

FOR MALAYSIA:



TUN ABDUL RAZAK
Minister of Defence and
Minister of National Development

FOR THE KINGDOM OF THAILAND:



THANAT KHOMAN
Minister of Foreign Affairs

Deklarasi ASEAN mengisytiharkan bahawa penubuhan Pertubuhan Kerjasama Serantau antara negara-negara di Asia Tenggara dikenali sebagai Pertubuhan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN) menggariskan beberapa matlamat dan tujuan penubuhan adalah seperti berikut :


1. Mempercepatkan pertumbuhan ekonomi, pembangunan sosial serta kemajuan budaya di rantau ini melalui gandingan kerjasama dengan semangat kesamarataan serta perkongsian ke arah memperkukuhkan asas bagi pengwujudan masyarakat Asia Tenggara yang aman dan makmur;
2. Memupuk keamanan serta kestabilan serantau dengan menjunjung tinggi keadilan dan keluhuran undang-undang dari segi hubungan antara negara di rantau ini di samping berpegang teguh kepada prinsip-prinsip Piagam Bangsa-bangsa Bersatu;
3. Memupuk kerjasama serta semangat saling bantu-membantu secara aktif dalam perkara-perkara kepentingan bersama yang berkaitan dengan bidang ekonomi, sosial, budaya, teknikal, saintifik dan pentadbiran;
4. Saling bantu-membantu dalam penggunaan kemudahan latihan dan penyelidikan dalam bidang pendidikan, profesional, teknikal dan pentadbiran;
5. Bekerjasama dengan lebih berkesan demi memajukan bidang pertanian dan industri, meningkatkan perdagangan termasuk kajian mengenai perdagangan komoditi antarabangsa, memajukan kemudahan pengangkutan dan komunikasi serta membaiki taraf hidup penduduk;
6. Memperbanyakkan lagi kajian mengenai Asia Tenggara;
7. Mengekalkan kerjasama rapat serta bermanfaat yang sedia wujud dengan badan-badan antarabangsa dan serantau yang mempunyai matlamat serta tujuan yang sama di samping meninjau cara-cara baru ke arah mewujudkan kerjasama yang lebih rapat di kalangan anggota.

BAB EMPAT

Organisasi ASEAN

SELARAS dengan perkembangannya, organisasi ASEAN turut berubah iaitu daripada sebuah jentera kecil pada tahun 1967 kepada sebuah organisasi yang besar serta kepelbagaian kegiatannya pada hari ini. Di samping Urusetia Tetapnya ber-

pusat di Jakarta, Indonesia, ASEAN juga mempunyai sekretariat di semua negara anggota dan juga pelbagai jawatankuasa di peringkat Menteri dan Pegawai Kanan telah ditubuhkan untuk merapatkan hubungan kerjasama dan aktiviti-



Bangunan Sekretariat ASEAN di Jakarta, Indonesia



Sidang Kemuncak ASEAN Ketujuh berlangsung di Negara Brunei Darussalam.

aktiviti pembangunan serantau di ASEAN. Hubungan ASEAN dengan 10 negara rakan dialog ASEANnya mempunyai jawatankuasa yang dilaksanakan melalui Jawatankuasa Perhubungan Bersama (JCC).

Walaupun mengalami pelbagai perubahan, namun proses dan asas dalam membuat keputusan serta pelaksanaan program-program ASEAN tetap tidak berubah. Aliran kerjanya bermula daripada ketua kerajaan dan kemudian

kepada para menteri seterusnya kepada para pegawai kanan, jawatankuasa serantau dan akhir sekali kepada Sekretariat ASEAN. Kini ASEAN mempunyai lebih 100 buah jawatankuasa serta jawatankuasa kecil yang mengawasi beratus-ratus projek. Cara organisasinya beroperasi mencerminkan pendekatan ASEAN yang mengamalkan perundingan serta kata sepakat dalam menangani sesuatu usaha ataupun masalah.

MINISTERIAL MEETING

24-25 JULY 1997
SUBANG JAYA, MALAYSIA

OPENING CEREMONY BY
DATO' SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD
PRIME MINISTER OF MALAYSIA



Pendana Menteri Malaysia, Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad merasmikan Mesyuarat Tahunan Peringkat Menteri ASEAN (AMM) yang diadakan di Kuala Lumpur, Malaysia

30th ASEAN MINISTERIAL MEETING

24-25 JULY 1997
SUBANG JAYA, MALAYSIA



Menteri-Menteri Luar ASEAN bergambar kenangan selepas acara perasmian Mesyuarat Tahunan Peringkat Menteri ASEAN (AMM) ke-30. Hubungan erat dapat dilihat sesama mereka.



28TH ASEAN MINISTERIAL MEETING
AND
POST-MINISTERIAL CONFERENCES
BANDAR SERI BEGAWAN
29 JULY - 3 AUGUST 1995



Mesyuarat Tahunan Peringkat Menteri ASEAN (AMM) ke-28 telah berlangsung di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam dari 28 Julai hingga 3 Ogos, 1995



Mesyuarat Tahunan Peringkat Menteri ASEAN (AMM) ke-28 telah dirasmikan oleh Sultan Sir Hassanah Bolkiyah

Pihak pembuat keputusan tertinggi dalam ASEAN adalah Ketua-ketua Kerajaan negara anggota yang lebih dikenali sebagai pemimpin-pemimpin ASEAN. Sidang Kemuncak Keempat ASEAN yang berlangsung di Singapura pada 1992 memutuskan bahawa Ketua-ketua Kerajaan ASEAN akan bertemu secara rasmi setiap tiga tahun sekali. Pada 1995, mereka bersetuju mengadakan pertemuan secara tidak rasmi setiap tahun sebelum mengadakan sesuatu pertemuan rasmi bagi menetapkan arah tuju serta daya

usaha yang patut diambil bagi kegiatan-kegiatan ASEAN.

Para Menteri Luar ASEAN akan menetapkan garis panduan serta menyelaraskan kegiatan-kegiatan pertubuhan serantau ini pada Mesyuarat Tahunan Peringkat Menteri ASEAN (AMM). Keputusan ini terkandung dalam Deklarasi Bangkok 1967.

Menteri-menteri Ekonomi ASEAN (AEM) mengadakan mesyuarat setiap tahun bagi menetapkan hala tuju kerjasama



Ketua-Ketua kerajaan ASEAN bergambar kenangan sempena Sidang Kemuncak ASEAN Keempat yang diadakan di Singapura pada 28 Januari 1992. Dalam persidangan inilah Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA) ditubuhkan.



dan integrasi ekonomi. Perkara ini dicapai semasa Sidang Kemuncak Kuala Lumpur tahun 1997. Keputusan yang dicapai dalam Mesyuarat Menteri-menteri Ekonomi ASEAN dan Mesyuarat Peringkat Menteri ASEAN akan dikemukakan kepada Ketua-ketua Kerajaan ASEAN semasa berlangsungnya Sidang Kemuncak ASEAN.

Menteri-menteri yang bertanggungjawab bagi sektor-sektor khusus mengenai kerjasama ekonomi pula akan mengadakan mesyuarat apabila perlu untuk menetapkan garis panduan men-

genai kerjasama ASEAN. Menteri-menteri ini akan mengemukakan laporan mereka kepada Menteri-menteri ekonomi ASEAN.

Mesyuarat di kalangan para menteri yang bertanggungjawab bagi bidang-bidang lain seperti kerjasama dalam bidang kesihatan, alam sekitar, buruh, kebajikan masyarakat, pendidikan, sains dan teknologi, penerangan dan perundangan/ kehakiman diadakan apabila perlu bagi merangka program-program kerjasama yang patut dilaksanakan.

Mesyuarat Bersama Peringkat Menteri yang ditetapkan oleh Sidang Kemuncak Manila 1987 diadakan apabila perlu bagi memudahkan urusan penyelesaian dan perundingan berhubung dengan kegiatan-kegiatan ASEAN. Mesyuarat ini lazimnya diadakan sebelum berlangsungnya sesuatu Sidang Kemuncak.

Semua badan tersebut dibantu oleh 29 jawatankuasa yang dianggotai oleh para pegawai kanan dan 122 kumpulan kerja teknikal.

Setiap negara anggota menubuhkan sebuah sekretariat nasional di Kementerian Luar masing-masing yang diketuai oleh seorang Ketua Pengarah

bagi tujuan melaksanakan kegiatan di peringkat negara.

ASEAN juga menubuhkan jawatankuasa di negara-negara rakan dialognya bagi menangani urusan luarnya dengan negara-negara berkenaan serta pertumbuhan-pertumbuhan antarabangsa.

Jawatankuasa-jawatankuasa ini dianggotai oleh ketua-ketua misi diplomatik setiap negara anggota yang ditugaskan di negara-negara terbabit. Mereka ini mengadakan perbincangan dengan kerajaan tuan rumah, masyarakat perniagaan serta kumpulan sivik di negara-negara berkenaan. Kini terdapat 12 jawatankuasa ASEAN seperti itu di Berlin,



Rakan Dialog ASEAN bergambar kenangan. Di awal penubuhan ASEAN, di antara rakan dialognya ialah Australia, Kanada, European Community (EC), Jepun, New Zealand dan Amerika Syarikat.



Semasa Mesyuarat Peringkat Menteri ASEAN Ketiga (AMM) pada Disember 1969, para Menteri Luar ASEAN telah menandatangani perjanjian bagi menubuhkan 'ASEAN Fund'. Tabung kerjasama kewangan ini bertujuan membiayai projek-projek ASEAN. Dalam perjanjian ini setiap anggota ASEAN perlulah menabung sejumlah US\$1 juta setahun.

Brussels, Canberra, Geneva, London, Ottawa, Paris, Moscow, New Delhi, Riyadh, Seoul, Tokyo, Washington dan Wellington.

Bagi menggerak, menasihati, menyelaraskan dan melaksanakan kegiatan-kegiatan pertumbuhan ini, para pemimpin ASEAN mewujudkan jawatan Setiausaha Agung ASEAN dan Urusetia Tetap ASEAN. Setiausaha Agung ini dilantik berdasarkan merit oleh Ketua-ketua Kerajaan berdasarkan syor yang dikemukakan oleh Mesyuarat Peringkat Menteri ASEAN. Penyandang jawatan ini adalah bertaraf Menteri.

Sekretariat ASEAN ditubuhkan melalui persetujuan yang ditandatangani oleh para Menteri Luar

ASEAN pada Sidang Kemuncak Bali 1976 bagi memperkemaskan lagi penyelarasan serta pelaksanaan dasar, projek dan kegiatan badan-badan ASEAN. Fungsi serta tanggungjawab Sekretariat ini berkembang sejak ia mula ditubuhkan berikutan bertambahnya tanggungjawab yang diamanahkan kepadanya oleh Mesyuarat Peringkat Menteri ASEAN.

Sekretariat ini pula mempunyai empat biro yang bertanggungjawab bagi perdagangan, pelaburan industri, pelancongan dan prasarana; kerjasama ekonomi dan fungsian; kewangan; serta penyelarasan program dan hubungan luar. Ia dianggotai oleh kira-kira 40 orang kakitangan yang dilantik daripada negara-negara anggota.

BAB LIMA

Kerjasama Politik Dan Keselamatan

KERJASAMA dalam bidang politik dan keselamatan adalah antara agenda utama penubuhan ASEAN pada peringkat awalnya walaupun ianya tidak dinyatakan secara jelas. Di antara perjanjian ASEAN untuk meningkatkan

kerjasama politik adalah Deklarasi ASEAN pada 8 Ogos 1967, Zon Aman, Bebas dan Berkecuali (ZOPFAN) pada 27 November 1971, Deklarasi Konkod ASEAN pada 24 Februari 1976, Terti



ASEAN menjalin kerjasama politik dengan rakan dialog melalui mesyuarat peringkat Pegawai Kanan (SOM) serta peringkat Menteri Luar di "ASEAN Post Ministerial Conferences (PMC)". Ahli Delegasi bergambar kenangan sempena Mesyuarat Menteri ASEAN dan "Post Ministerial Conferences" pada 19 hingga 24 Julai di Kuala Lumpur, Malaysia



Pada 27 November, 1971, Menteri Luar lima anggota ASEAN telah bertemu di Kuala Lumpur untuk menandatangani Deklarasi Zon Aman, Bebas dan Berkecuali (ZOPFAN) yang juga dikenali sebagai Deklarasi Kuala Lumpur 1971. Dari kiri ke kanan ialah S. Rajaratnam - Singapura, T. Adnan Malik - Indonesia, Tun Abdul Ruzak - Malaysia, P. Romulo - Filipina dan Thanat Khoman - Thailand.

Persahabatan dan Kerjasama di Asia Tenggara pada 22 Julai 1992, Triti Zon Bebas Senjata Nuklear Asia Tenggara dan Wawasan ASEAN 2020 pada 15 Disember 1997.

Kerjasama politik ASEAN berlangsung di pelbagai peringkat termasuk peringkat Pegawai-pegawai Kanan, peringkat Menteri-menteri Luar dan juga di peringkat Ketua-ketua Kerajaan/Negara. Di samping itu,

ASEAN juga menjalinkan kerjasama politik dengan rakan dialog melalui mesyuarat peringkat Pegawai Kanan serta peringkat Menteri Luar di ASEAN Post Ministerial Conferences (PMC).

Semua anggota ASEAN tertakluk kepada kod tingkah laku yang termaktub di dalam Perjanjian Keamanan dan Kerjasama di Asia Tenggara, di samping lain-lain perjanjian yang berkaitan. Tidak terdapat sebarang perjan-



Tun Abdul Razak dan Anwar Malik berjabat tangan semasa Mesyuarat Menteri-Menteri Luar ASEAN diaksikan oleh S. Rajaratnam Menteri Luar Singapura dan P. Romulo dari Filipina



Salah Kemuncak ASEAN Kedua dan ulangtahun Ke-10 penubuhan ASEAN telah disambut di Kuala Lumpur pada Ogos 1977. Pada persidangan inilah para pemimpin ASEAN mengadakan pertemuan sulung secara satu kumpulan dengan Ketua-lena Kerajaan Australia, Jepun dan New Zealand



Delegasi yang menghadiri Mesyuarat Pegawai Kanan Forum Serantau ASEAN (ARF - ASEAN Regional Forum) di Pulau Langkawi, Malaysia

jian lain yang memerlukan anggota ASEAN merubah sistem politik negara kepada mana-mana sistem yang tertentu.

Walaupun ASEAN berhasrat untuk menubuhkan 'sekumpulan negara' dalam abad baru, tetapi ini tidak bermakna ASEAN akan mengubah dasarnya menjadi sebuah kesatuan politik. Setiap negara anggota akan cuba megekalkan kerajaan dan identiti negara masing-masing selaras dengan aspirasi dan idea rakyatnya.

Perbezaan dalam sistem politik tidak menjadi penghalang kepada perpaduan dan kedaulatan ASEAN. Di sebaliknya, ASEAN

melihat kepelbagaian anggotanya menjadi sumber kekuatan dan inspirasi dalam memupuk semangat kedaulatan di kalangan anggotanya. Kesemua anggota ASEAN telah bersetuju untuk berkongsi tanggungjawab dalam memperkukuhkan keamanan dan kestabilan di Asia Tenggara.

Pada tahun 1992, Ketua-ketua Kerajaan/Negara ASEAN telah bersetuju supaya ASEAN meningkatkan lagi kerjasama politik dan keselamatan dengan negara-negara di Asia Pasifik. Selaras dengan keputusan ini, ASEAN telah menubuhkan Forum Serantau ASEAN (ARF) pada 1994, bertujuan untuk

mbolehkan anggotanya saling bertukar-tukar pandangan dan membincang isu-isu politik dan keselamatan serantau. Forum ini mempertemukan kuasa-kuasa di Asia Timur serta pihak-pihak lain yang mempunyai kepentingan strategik di rantau ini melalui rundingan di peringkat Pegawai Kanan dan Menteri

ARF terdiri daripada 23 buah negara, iaitu 10 Negara ASEAN dan 10 rakan dialog ASEAN iaitu Australia, New Zealand, India, China, Jepun, Kanada, Republik Korea, Kesatuan Eropah (EU), Russia dan Amerika Syarikat dan juga Papua New Guinea, Mongolia, Republik Demokratik Rakyat Korea.


ARF telah berjaya meningkatkan tahap keyakinan di antara negara-negara Asia Pasifik melalui aktivitinya termasuklah "Kegiatan Membina Kenyakinan". Peningkatan keyakinan yang dicapai di dalam ARF telah mewujudkan suasana ketelusan, khususnya dalam membincangkan hal-hal berkaitan keselamatan serantau dan juga pelaksanaan secara bersama di dalam beberapa bidang yang melibatkan isu rentas sempadan dan termasuk

juga isu pembanterasan keganasan.

Dengan penubuhan ARF ini, ternyata ASEAN telah berjaya mewujudkan mekanisma, bagi menjamin kestabilan politik dan keselamatan serantau, sekaligus meningkatkan lagi keyakinan, keamanan dan kemakmuran di rantau Asia Tenggara dan Pasifik yang menyediakan khidmat nasihat dan membina semangat keyakinan negara-negara anggota ke arah keamanan dan kestabilan kawasan rantau Asia Pasifik.



Delegasi Malaysia yang menghadiri Mesyuarat 'Ministerial Conference ASEAN - Canada' yang berlangsung pada 28 Julai 1997 di Malaysia



Prang Xay - Vientiane, Laos

BAB ENAM

Kerjasama Ekonomi

PROGRAM kerjasama antara negara anggota ASEAN telah mula dilaksanakan sejak penubuhannya pada tahun 1967. Pada awalnya kerjasama ekonomi hanya berkaitan dengan program usahasama dan skim bantuan ASEAN atau syarikatnya seperti Pelan Projek Industri ASEAN, pada 1976, Skim Pelengkap Industri ASEAN 1981 dan Skim Usaha sama Perindustrian ASEAN 1983.



Industri Petrolesian merupakan sumber kekayaan negara ASEAN.

Menjelang tahun lapan puluhan dan sembilan puluhan, kebanyakan negara di dunia telah menarik balik halangan ekonomi. ASEAN menyedari ini adalah peluang terbaik untuk negara anggota bekerjasama dalam era globalisasi dengan cara membuka peluang ekonomi antara satu sama lain dan seterusnya menyatukan ekonomi negara-negara anggota.

Langkah terpenting ke arah kerjasama ekonomi telah dibuat di Persidangan Kemuncak ASEAN

Keempat pada 1992. Setiap anggota telah bersetuju untuk mewujudkan Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (Asean Free Trade Area-AFTA). Skim 'Common Effective Preferential Tariff' (CEPT) untuk AFTA telah dilancarkan bulan Januari 1993.

AFTA adalah sebuah pasaran serantau bersepadu yang besar di mana hampir semua tarif bagi barangan yang diniagakan di kawasan berkenaan sudah pun diturunkan kepada tahap minima



Menteri Ekonomi ASEAN bergambar kenangan dengan Presiden Soeharto, Indonesia



Menteri-menteri Ekonomi ASEAN (EAM) mengadakan mesyuarat setiap tahun bagi menetapkan hala tuju kerjasama dan integrasi ekonomi. Perkara ini dicapai semasa Sidang Kemuncak Kuala Lumpur tahun 1997.

dan akan dihapuskan sepenuhnya menjelang tahun 2010 bagi 6 negara asal dan 2015 bagi Kemboja, Laos, Myanmar dan Vietnam. Ia adalah perjanjian yang dimeterai 10 negara ASEAN bertujuan meningkatkan dagangan di rantau ini menerusi pengurangan tarif dan halangan-halangan bukan tarif.

Melalui perjanjian ini anggota-anggota ASEAN hendaklah mengurangkan cukai ke atas beberapa barangan perusahaan ke paras 0 peratus hingga 5 (lima peratus)

secara berperingkat sehingga tahun 2003. Bagaimanapun barangan-barangan ini hendaklah sekurang-kurangnya mengandungi 40 peratus bahan tempatan (local content).

Dengan wujudnya pasaran yang lebih luas, negara-negara anggota berharap agar mereka dapat menikmati faedah daripada skala ekonomi dan perkongsian teknologi dan sumber. ASEAN mempunyai pendapatan perkapita sebanyak AS\$820 bilion.



Kapal-kapal perdagangan sering singgah di negara-negara ASEAN. Salah sebuah pelabuhan persinggahan kapal-kapal perdagangan ini ialah Pelabuhan Tanjung Pelepas, Johor, Malaysia

Malaysia telah mengurangkan cukai ke atas lebih kurang 96.6 peratus daripada barangannya. Pada ketika ini 60.4% barangan dari ASEAN yang masuk ke Malaysia tidak lagi dikenakan cukai, manakala 91.9 peratus hanya dikenakan cukai tidak melebihi lima peratus.

ASEAN terus berusaha untuk mempercepatkan lagi pelaksanaan kawasan perdagangan bebas AFTA, seperti yang telah dipersetujui dalam Sidang

Kemuncak ASEAN Keenam, Disember 1998, melalui Skim Keutamaan Tarif Samarata Berkesan (Common Effective Preferential Tariff – CEPT) Ketua-Ketua negara ASEAN telah bersetuju supaya 90% barangan dikenakan cukai tarif antara 0-5% pada tahun 2001, dan seterusnya 100% pada tahun 2002, dengan kelonggaran purata tarif CEPT jatuh kepada 4.11% pada tahun 2001 dan akhirnya kepada 3.77% pada tahun 2002.

Menjelang 1 Januari 2002, sejumlah 44,060 barisan tarif telah dimasukkan ke dalam skim AFTA. Skim ini yang disempurnakan secara berperingkat dalam tempoh 15 tahun akan meluaskan lagi pasaran ASEAN serta peluang pelaburan dari dalam dan luar rantau ini. Sekatan-sekatan lain juga kini sedang dihapuskan. Urusan perdagangan dipermudahkan melalui penyelarasan peraturan-peraturan kastam serta penyeragaman piawaian barangan. Jawatankuasa Perundingan Piawaian dan

Kualiti ASEAN (ACCSQ) berfungsi mengawal keseragaman di dalam piawaian barangan dan juga mengadakan ujian dan pengesahan makmal.

Dengan adanya kawasan perdagangan bebas ini, ia dapat membuka pasaran ekonomi secara meluas kepada 515 juta penduduk. Ia juga memberi peluang kepada syarikat-syarikat tempatan untuk mendapatkan harga terbaik bagi bahan-bahan mentah yang diperlukan, di samping meningkatkan persaingan antara



Industri Tekstil adalah antara hasil keluaran utama negara-negara ASEAN.



Industri kecil turut menambahkan sumber pendapatan penduduk ASEAN

sesama mereka bagi menambah baik produktiviti dan kecekapan masing-masing. Penyatuan ekonomi ASEAN akan menjadi daya penarik kepada pelabur dari luar kawasan yang berminat untuk berdagang dalam pasaran yang lebih besar, bersepadu dan cekap.

ASEAN turut melibatkan diri dalam penyertaan negara-negara perdagangan utama dunia sebagai rakan dialog iaitu sebagai satu rangkaian gandingan kerjasama. Hubungan dijalinan

dengan European Union (EU) di mana perhatian ditumpukan kepada isu-isu berkaitan penghapusan halangan-halangan bukan tarif yang dihadapi oleh pengeksport-pengeksport dan pelaksanaan projek-projek bersama. Ini termasuk perlaksanaan aktiviti-aktiviti kerjasama di bawah bidang standard dan hak-hak harta intelek, arahan mengenai hasil buangan daripada barangan elektrik dan elektronik dan peraturan-peraturan baru mengenai makanan di EU. Terdapat juga projek-projek di bawah Inisiatif



Industri pemrosesan makanan


Dialog ASEAN-New Zealand yang tertumpu kepada pembangunan kapasiti dan latihan untuk pakar-pakar ASEAN terutamanya di dalam bidang-bidang kemahiran 'metrology', kerjasama kastam, pemindahan teknologi gas asli, kejuruteraan alam sekitar, "standards and conformity assessment", sains material dan bioteknologi.

Kerjasama ASEAN dengan Australia pula dikukuhkan lagi

dengan pelancaran ASEAN-Australia Development Cooperation Programme (AADCP). AADCP adalah program lima tahun yang dirangka untuk mengukuhkan kerjasama ekonomi dan sosial serantau bagi meningkatkan pemulihan mampan, pembangunan ekonomi dan sosial, meningkatkan keupayaan institusi serantau dan menguatkan kerjasama dalam bidang sains, teknologi dan alam sekitar.



Singapura mengeluarkan barangan elektronik untuk meningkatkan pendapatan negara



Ekonomi Vietnam semakin berkembang dan pada hari ini ia menjalin hubungan perniagaan dengan lebih 100 buah negara besar dan kecil di seluruh dunia. Manakala hubungan perdagangan dengan negara ASEAN mencapai 85 peratus jumlah perdagangan negeranya.

Manakala perhubungan ekonomi ASEAN - Jepun terus berkembang walaupun dilanda cabaran-cabaran ekonomi yang semakin meningkat. Di Sidang Kemuncak ASEAN ke tujuh di Brunei Darussalam pada November 2001, Jepun telah memberi komitmen untuk terus menawarkan bantuan kepada ASEAN. Jepun juga bersetuju untuk melipat gandakan kerjasama termasuk cadangan menubuhkan pusat-pusat latihan dan cawangan-cawangan universiti Jepun di ASEAN dan

penglibatan Jepun di dalam projek-projek AMBDC. Menteri-menteri Ekonomi ASEAN dan Jepun bersetuju pada September 2002 untuk menubuhkan "Closer Economic Partnership (CEP) Experts Group" bagi menjalankan kajian integrasi ekonomi dan mengesyorkan langkah-langkah untuk mengukuhkan lagi kerjasama ekonomi ASEAN- Jepun.

ASEAN juga sedang mewujudkan Kawasan Pelaburan ASEAN untuk membolehkan pelaburan bergerak dengan bebas di rantau


ini, manakala pelaburan dari luar digalakkan secara bersama masuk ke ASEAN sebagai satu rantau. Negara-negara anggota ASEAN bekerjasama rapat memantau haluan aliran kewangan di rantau ini. Satu sistem juga telah diwujudkan bagi menyediakan bantuan kewangan untuk anggota-anggota yang menghadapi masalah kewangan. Perhubungan di antara negara-negara anggota sedang dipereratkan secara fizikal melalui hubungan jalan raya serantau,

perkhidmatan keretapi, pembekalan tenaga elektrik, saluran gas serta telekomunikasi. Langkah-langkah juga sedang diambil untuk mewujudkan sistem yang lebih terbuka bagi membolehkan barangan bergerak dengan bebas di rantau ini melalui pelbagai jenis sistem pengangkutan yang disediakan.

Kemampuan ekonomi ASEAN boleh diiktiraf setanding dengan negara maju bilamana terdapat empat daripada 10 negara



KLIA Ekspres - sebuah pengangkutan awam tercanggih di abad ini.



Indonesia adalah salah sebuah negara pengeluar gas asli cecair di rantau ASEAN. Gambar menunjukkan pelabuhan gas asli cecair di Bontang, Kalimantan Timur.

anggota ASEAN tersenarai di kalangan 20 negara maju di dunia yang mempunyai daya saingan tinggi dalam pencapaian ekonominya.

ASEAN sebagai sebuah rantau yang kaya dengan hasil alam memiliki berbagai sumber, hampir kesemua abaka dunia terdapat di rantau ASEAN. Lebih daripada 85 peratus getah asli, 85 peratus minyak sawit dan 70 peratus bijih timah dunia datangnya dari negara anggota ASEAN. Di samping sumber di atas, gas asli cecair dan petroleum adalah di

antara hasil kekayaan tiga buah negara anggota ASEAN iaitu Brunei, Indonesia dan Malaysia.

Bumi ASEAN juga kaya dengan simpanan emas, tembaga dan mineral. Ia juga merupakan negara pengeluar utama tekstil, pakaian, barangan peralatan elektronik, gula dan buah-buahan tropika. Sumber kayu balak dunia juga terdapat di rantau Asia Tenggara. Oleh itu penduduk ASEAN boleh berbangga dengan hasil bumi dan hutan tropika yang masih terdapat di negara anggota ASEAN.

ASEAN juga telah mencapai kejayaan besar dalam bidang ekonomi seperti kadar pertumbuhan yang tinggi, kestabilan dan kejayaan menjarakkan diri dari tahap kemiskinan sejak beberapa tahun lalu. Anggota-anggota ASEAN telah menikmati aliran perdagangan dan pelaburan yang besar menerusi langkah-langkah utama liberalisasi.

Di samping kepentingan ekonomi dan sumber alam semulajadinya, kawasan jajahan maritimnya dipercayai masih kukuh.

Asia Tenggara merupakan kepentingan global yang strategik dan juga sebagai jambatan penghubung antara Lautan India dan Pasifik serta terletak di salah satu laluan laut yang tersibuk di dunia. Laluan ini memberi kepentingan kepada kapal-kapal perdagangan dan kapal tangki minyak yang berurusan dari Negeri China, Jepun dan US Pacific Coast ke Negara Timur Tengah dan Pantai Timur Afrika.



BAB TUJUH

Kerjasama Fungsian

ASEAN juga telah mencapai kejayaan di bidang kerjasama fungsian yang telah mengukuhkan perpaduan dan matlamat penubuhan ASEAN. Kejayaan ini amat jelas di berbagai bidang seperti sains dan teknologi, kebudayaan dan pen-erangan, pembangunan sosial,

pencegahan penyalahgunaan dadah, alam sekitar dan perkhid- matan awam.

Semasa Persidangan Kemuncak ASEAN Kedua yang telah berlangsung di Kuala Lumpur pada tahun 1977, telah ada gesaan untuk memperluaskan

THE 35th ASEAN MINISTERIAL MEETING
29th - 30th July 2002
Bandar Seri Begawan Brunei Darussalam



Menteri-menteri Luar ASEAN mempamerkan hubungan kerjasama yang erat.




Keindahan Alam Sekitar perla dipelihara. Taman Negara Endau Rompin, Malaysia

kerjasama dalam bidang pembangunan manusia, menyatupadukan wanita dan remaja dalam pembangunan sumber manusia, menghapuskan kemiskinan, penyakit dan buta huruf, menyatupadukan jumlah penduduk dengan dasar pembangunan luar bandar, mewujudkan kerja-kerja produktif bagi golongan berpendapatan rendah dan mengambil langkah konkrit bagi menghapuskan penyalahgunaan dan pengedaran dadah. Para

pemimpin ASEAN dengan rasminya memberi nama kepada semua kerjasama dalam bidang-bidang tersebut sebagai "kerjasama fungsian".

ALAM SEKITAR

ASEAN melihat pemuliharaan alam sekitar dan pengurusan sumber alam semulajadi sebagai satu pertumbuhan jangka panjang ekonomi dan pembangunan kawasan ini. Anggota ASEAN





Keindahan Selat Sulu, Filipina

telah menyatakan komitmen Alam Sekitar mereka di Pelan Tindakan Ha Noi dan dengan jelas lagi melalui Pelan Tindakan Strategik bagi Alam Sekitar 1999-2004.

Pelan tindakan tersebut adalah berkaitan dengan perlindungan persekitaran samudra, pencegahan pembakaran tanah dan hutan serta kesannya, juga jerubu di kawasan sempadan, pemuliharaan sumber semulajadi, pelaksanaan perjanjian kerjasama alam sekitar dan meningkatkan kesedaran mengenai alam sekitar.



Kawasan pemuliharaan hutan di Thailand



Remaja ASEAN semasa Sukan SEA di Kuala Lumpur, Malaysia



PEMBANGUNAN SOSIAL

ASEAN berhasrat untuk mencapai kerjasama dalam bidang sosial melalui Jawatankuasa Pembangunan Sosial yang telah ditubuhkan pada tahun 1978.

Jawatankuasa ini menyarankan beberapa polisi dan program kerjasama dalam bidang kesihatan, pendidikan, sumber manusia, wanita, kanak-kanak dan remaja serta pengurusan bencana.

KEMAJUAN WANITA

Abad ke-21 telah menyaksikan pelbagai kemajuan dan pembangunan yang telah dicapai oleh Wanita Asean di dalam penyertaan aktif mereka di dalam pelbagai sektor iaitu politik, korporat, ekonomi, pendidikan dan sosial. Walau bagaimanapun pencapaian tersebut masih tidak seimbang berbanding dengan peluang yang diberikan kepada kaum lelaki.

Oleh yang demikian, kerjasama Asean menerusi pelbagai program berteraskan kemajuan dan

pembangunan hal-ehwal wanita bersama-sama dengan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) sentiasa diteruskan kerana usaha ini mampu merapatkan jurang ketidaksamaan gender dengan mengatasi halangan dan cabaran di dalam pelbagai bidang, terutama sekali di dalam peringkat membuat keputusan (levels of decision-making). Dalam masa yang sama, ia boleh mewujudkan perpaduan di kalangan negara anggota Asean.

Dengan tertubuhnya Program Wanita Asean (Asean Women's Programme - AWP) yang kemu-



Dalam abad ke-21 ini wanita turut aktif dalam bidang kepakaran sains dan teknologi.



Bengkel melukis bendera ASEAN

diannya diberi nama baru iaitu Jawatankuasa Asean bagi Wanita (Asean Committee on Women - ACW) pada 2001, pelbagai isu wanita dan masalah telah diberi keutamaan menerusi pelbagai deklarasi dan pelan tindakan. Antaranya adalah Deklarasi Bagi Kemajuan Wanita Rantau di Rantau Asean (Declaration on the Advancement of Women in the Asean Region) yang termetreai pada 1988 dan juga Pelan Tindakan Hanoi (HPA 1999-2004).

Sehubungan itu, antara isu-isu yang diberi penekanan adalah penyeludu-


pan dan jenayah keganasan ke atas wanita dan pelaksanaan penuh Konvesyen Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi terhadap Wanita (Convention on the Elimination of All Forms of Discrimination Against Women - CEDAW) dan apa-apa jua instrumen antarabangsa yang berkaitan dengan wanita. Selain itu, kerjasama dan usaha bagi mempertingkatkan kemahiran wanita dilaksanakan melalui "ASEAN Network for Women in Skills Training". Jawatankuasa Asean bagi Wanita akan juga memberi fokus kepada program pembangunan memper-

Kecemerlangan seharusnya menjadi asas kehidupan setiap wanita kerana senario semasa, baik di rantau ini mahupun di peringkat antarabangsa, memang menggalakkan penyertaan aktif wanita dalam pembangunan negara. Oleh itu, semua anggota Asean hendaklah mengamalkan semua rangka tindakan yang telah digariskan untuk menaik-taraf peranan wanita di dalam membina pembangunan mampan di rantau ini dengan aman dan tanpa keganasan terhadap wanita.

SAINS DAN TEKNOLOGI

ASEAN berhasrat agar semua anggotanya memasuki era teknologi secara menyeluruh melalui pembentukan e-ASEAN - satu laman elektronik di Asia Tenggara di mana syarikat-syarikat perniagaan, kerajaan dan penduduknya mempunyai peluang untuk membangun dan menggunakan teknologi maklumat ini.

Usaha ke arah ini dibuat melalui pengwujudan persekitaran



Penggunaan peralatan canggih dalam bidang perubatan.




Kaum wanita turut memahirkan diri dalam bidang teknologi.

perundangan serta dasar yang merangsangkan minat para penggunanya, penyediaan prasarana teknikal, perwujudan hubungan dengan masyarakat sejagat serta pemupukan sikap dan kemahiran yang diperlukan di kalangan penduduk.

Kerajaan negara-negara ASEAN memang komited dengan persetujuan yang dicapai mengenai rangka kerja e-ASEAN ini. Sektor swasta juga turut membantu dan sedang menjayakan satu projek perintis mengenainya.

Pembangunan dalam bidang sains dan teknologi di Asia Tenggara dianggap sebagai aktiviti utama kerjasama ASEAN kerana ia memainkan peranan penting dalam modenisasi ekonomi. ASEAN telah berjaya mencapai dan menjalankan pelbagai projek selaras dengan objektif ini.

Kebanyakan projek dijalankan secara usahasama dengan rakan dialog yang menyediakan kepakaran teknikal dan bantuan kewangan. Di antara rakan dia-



Pendidikan IT perlu terutamanya dalam menghadapi dunia globalisasi.

log yang memberikan bantuan ialah Australia, Kanada, Kesatuan Eropah, India, Jepun, New Zealand dan Republik Korea.

KEBUDAYAAN DAN PENERANGAN

Kerjasama kebudayaan menjadi agenda utama ASEAN dari peringkat awal lagi kerana pen-

gasasnya mempercayai bahawa persefahaman kebudayaan antara anggota di Asia Tenggara memainkan peranan penting untuk memupuk semangat masyarakat serantau. Kerjasama kebudayaan dan penerangan meliputi kesenian, warisan kebudayaan, penerangan dan media massa. Projek dan aktiviti yang berkaitan tidak hanya terbatas kepada anggota kerajaan tetapi



Datuk Zaimuddin Mardin, Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan Malaysia merasmikan Kuiz ASEAN Peringkat Kebangsaan 2002 di Angkasapuri, Kuala Lumpur. Turut bersama ialah (dari kiri) Enrek Mohamad Salleh Rafie, Ketua Pengarah Perkhidmatan Penerangan dan Datuk Dr. Arshad Hashim, Ketua Setiausaha Kementerian Penerangan Malaysia



Semua 15 pelajar yang telah menjadi Johan Peringkat Negeri telah mengambil bahagian dalam pertandingan separuh akhir Kuiz ASEAN 2002 dan hanya lima orang peserta telah dipilih untuk menyertai Peringkat Akhir



Johan Kuiz ASEAN Kho Hai Khuang, Naib Johan Khairul Syafril Merican bin Kamarudin dan pemenang ketiga Lim Lee Chuan bergambar kenangan dengan Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan Datuk Zainuddin Maidin (tengah), Ketua Setiausaha Kementerian Penerangan Datuk Dr. Arshad bin Hashim (kiri sekali) dan Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Penerangan Encik Mohamad Salleh Rafie (no. 2 dari kanan).





Acara kebudayaan negara-negara ASEAN dipertunjukkan untuk memeriahkan Muktis Kuis ASEAN Peringkat Kebangsaan 2002

Wanita Kempoja menggayakan pakaian tradisional.





Pakaian tradisional negara ASEAN (dari kiri) Filipina, Brunei, Vietnam dan Indonesia.

juga artis, penulis, pemberita dan ahli akademik, belia, pemimpin-pemimpin komuniti dan pertubuhan-pertubuhan budaya.

JENAYAH RENTAS SEMPADAN

Kerjasama yang wujud antara anggota ASEAN dalam usaha membasmi jenayah bermula dengan terlaksananya Deklarasi Konkod ASEAN 1976 yang menganjurkan kerjasama lebih rapat di kalangan negara anggota dan badan-badan antarabangsa yang berkaitan untuk mengha-

lang penyalahgunaan dan pengedaran dadah secara haram.

Bagaimanapun mulai 1996, ASEAN turut memberikan perhatiannya kepada pelbagai bentuk jenayah lain yang merentasi sempadan negara seperti keganasan, penyeludupan senjata api, pembersihan wang haram, perniagaan kanak-kanak dan wanita, kegiatan lanun serta penyalahgunaan dan pengedaran dadah jenis baru. Pada Sidang Kemuncak Tidak Rasmi Pemimpin-Pemimpin ASEAN Kedua yang berlangsung di Kuala Lumpur pada 1997, perbincangan khusus men-



OPENING CEREMONY



SPECIAL ASEAN MINISTERIAL MEETING ON TERRORISM
20th MAY 2002

BY
Y. DATO' SERI ABDUL RAHMAN AHMAD BAKI
DEPUTY PRIME MINISTER
MALAYSIA



Mesyuarat khas Menteri ASEAN mengenai keganasan yang berlangsung di Kuala Lumpur pada 20 Mei 2002





Mesyuarat Tahunan Kedua Pegawai Kanan mengenai Jenayah Rentas Sempadan yang diadakan pada 16 dan 17 Mei 2002 di Kuala Lumpur, Malaysia.

genai jenayah rentas sempadan bentuk baru telah diadakan dan semua negara anggota berazam mengambil langkah tegas untuk memeranginya.

“Mesyuarat Menteri-menteri ASEAN (AMM) ke 33 pada Julai 2000 telah bersetuju bahawa penagihan dan pengedaran dadah masih merupakan satu ancaman yang serius kepada keselamatan dan kestabilan rantau ASEAN. Dengan itu kerjasama harus dipertingkatkan terutamanya terhadap dadah jenis baru seperti Amphetamine -

Type Stimulants (ATS). AMM ke 33 ini telah bersetuju membawa ke hadapan tarikh yang ditetapkan untuk ASEAN Bebas Dadah dari 2020 ke 2015. Usaha-usaha ini telah menghasilkan satu Deklarasi Politik dan ACCORD Plan of Action yang berprofil tinggi di Bangkok pada Oktober 2000.”

BAB LAPAN

Hubungan Luar Rantau ASEAN

DEKLARASI ASEAN ada menyebutkan bahawa salah satu matlamat penubuhan ASEAN ialah mengekalkan kerjasama rapat serta bermanfaat yang sedia wujud dengan badan-badan antarabangsa dan serantau yang mempunyai matlamat dan tujuan yang sama di samping meninjau

cara-cara baru ke arah mewujudkan kerjasama yang lebih rapat di kalangan anggota ASEAN.

Sejak awal penubuhannya, sekitar awal 1970an ASEAN telah mendapat manfaat setelah mengadakan hubungan dialog dengan Kesatuan Ekonomi Eropah



Penimpin APEC bergambar kenangan di Malaysia

Striving for Growth in a Challenging Environment

2002
pbec igm
Kuala Lumpur



Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad merasmikan Mesyuarat Agung Amarahangsa Ke-35 Majlis Ekonomi Lembangan Pasifik.

(sekarang Kesatuan Eropah) mengenai skim tarif barangan pengeluaran ASEAN dan juga dengan Negara Jepun mengenai isu getah tiruan. Ini telah menghasilkan hubungan dialog tak rasmi antara ASEAN dengan Kesatuan Ekonomi Eropah pada tahun 1972. ASEAN telah mengadakan hubungan dialog rasminya yang pertama dengan Australia pada tahun 1974 diikuti dengan New Zealand pada tahun 1975.

Kesungguhan ASEAN dalam mempertingkatkan hubungan

luarnya terbukti dengan jelas pada mesyuarat pertama Ketua-ketua Kerajaan ASEAN berlangsung di Bali pada 1976 telah mengisytiharkan kesediaan pertubuhan serantau ini menjalin hubungan kerjasama yang berkesan secara dua hala dengan negara-negara lain di Asia Tenggara. Dasar ini kemudiannya diterima pada Sidang Kemuncak Kedua yang berlangsung di Kuala Lumpur pada 1977 apabila Ketua-ketua Kerajaan ASEAN bersetuju agar kerjasama ekonomi yang sedia terjalin dengan negara-negara atau

kumpulan-kumpulan negara lain perlu dipertingkat dan diperluaskan lagi.

Sebagai langkah pertama, ASEAN memberi taraf rakan dialog kepada rakan-rakan perdagangan utamanya iaitu Australia, Kanada, Jepun, Kesatuan Ekonomi Eropah (EEC), New Zealand, Amerika Syarikat dan Program Pembangunan Bangsa-bangsa Bersatu (UNDP). Pada tahun 1990an, ASEAN menambahkan lagi jumlah rakan dialognya den-

gan meliputi Republik Korea, India, China dan Rusia. Pakistan pula diberi taraf rakan dialog sektorial pada 1997.

ASEAN juga menjalin hubungan dengan pertubuhan-pertubuhan bertaraf antarabangsa, serantau dan rantau kecil seperti UNESCO, Bank Pembangunan Asia, Forum Asia Pasifik, Majlis Kerjasama Teluk, Pertubuhan Kerjasama Asia Selatan, Kerjasama Pembangunan Afrika Selatan, Pertubuhan Kerjasama Ekonomi dan Kesatuan Andean.



Bergambar kenangan bersama Raja Bhumibol sempena Sidang ASEM Pertama di Bangkok, Thailand pada Mac, 1996.

Di samping itu, kebanyakan negara anggota ASEAN memainkan peranan aktif dalam Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik, Mesyuarat Asia-Eropah dan Forum Asia Timur-Amerika Latin.

Hubungan dialog ASEAN dicorakkan oleh faktor-faktor domestik, serantau dan sejagat.

Pada peringkat permulaannya, tumpuan utama hubungan luar ASEAN adalah ke arah mendapatkan bantuan teknikal bagi merangsang pembangunan ekonomi di kalangan negara-negara anggota.

Pertumbuhan pesat dalam bidang ekonomi yang dialami oleh negara-negara anggota ASEAN




Pemimpin-pemimpin ASEM bergambar kenangan sempena Sidang ASEM Pertama di Bangkok, Mac 1996.

pada tahun-tahun 1980an dan 1990an, menyebabkan corak hubungan dialognya berubah kepada yang berbentuk perkongsian secara sama rata. Ini sekali gus mengubah tumpuannya kepada peluang memasuki pasaran perdagangan, pelaburan, pelancongan, perkhidmatan, sains dan teknologi, teknologi maklumat dan pembangunan

sumber manusia. Di samping isu-isu ekonomi, forum dialog ASEAN kini turut melibatkan isu-isu politik dan keselamatan.



Mesyuarat Kesepuluh Menteri-Menteri APEC di Kuala Lumpur, Malaysia



BAB SEMBILAN

Hala Tuju ASEAN Menjelang 2020

KETIKA sedang menuju Abad ke-21, 30 tahun selepas kelahiran ASEAN. Ketua-ketua Negara ASEAN telah berkumpul di Kuala Lumpur dari 14 hingga 16 Disember, 1997 untuk menetapkan satu wawasan bagi ASEAN berdasarkan kenyataan semasa yang wujud pada masa itu serta prospek-prospek yang terdapat dalam dekad-dekad menjelang tahun 2020.

Wawasan ini bertujuan untuk menjadikan ASEAN sebuah kesatuan negara-negara Asia Tenggara yang mengamalkan sikap dinamis, hidup secara aman, stabil dan harmoni, tersimpul dalam satu perkongsian untuk menikmati pembangunan yang dinamik dalam sebuah masyarakat penyayang.

Impian dan harapan pemimpin ASEAN untuk membangunkan Asia Tenggara menjadi sebuah Kesatuan Negara-negara Asia Tenggara yang aman, stabil di


mana setiap negara selesa dengan keadaan masing-masing dan perkara-perkara yang menjadi punca pertelingkahan seperti wilayah dan sebagainya dapat diselesaikan secara aman dan seterusnya dihapuskan melalui sikap menghormati keadilan serta keluhuran undang-undang lantas dapat menjamin peningkatan ketahanan negara dan serantau.

Menjelang tahun 2020, rantau ASEAN diharap menjadi sebuah Kawasan Aman, Bebas dan Berkecuali seperti yang terkandung dalam Deklarasi Kuala Lumpur 1971. Perjanjian Persahabatan dan Kerjasama di Asia Tenggara berfungsi sepenuhnya sebagai kod perilaku yang merapatkan hubungan di kalangan kerajaan dan rakyat serta dipatuhi oleh negara-negara lain yang mempunyai kepentingan di rantau ini. Selain itu Asia Tenggara perlu bebas daripada senjata nuklear dengan semua


Negara Senjata Nuklear komited kepada tujuan Perjanjian Kawasan Bebas Senjata Nuklear Asia Tenggara 1995 dengan mematuhiya. Rantau ASEAN juga perlu bebas daripada semua jenis senjata yang boleh membawa kemusnahan secara besar-besaran.

Semasa mengemudi ASEAN ke arah tahun 2020 pemimpin-pemimpin ASEAN mengimpikan agar kekayaan sumber manusia

dan semulajadi ASEAN menyumbang kepada kemajuan dan kemakmuran bersama. Forum Serantau ASEAN pula menjadi alat penting ke arah membina keyakinan dan diplomasi serta dapat menyelesaikan pertelingkahan. Manakala Asia Tenggara menjadi suatu rantau di mana gunung dan sungai tidak lagi menjadi pemisah anggota ASEAN tetapi menyatukan penduduk ASEAN dalam ikatan persahabatan, kerjasama dan perda-



Kerjasama erat antara negara-negara ASEAN dalam usaha mencari-gali minyak dan gas cecair asli telah memajukan industri tersebut.



Industri besi turut memainkan peranan penting dalam pertumbuhan ekonomi negara ASEAN

gangan. ASEAN dilihat sebagai suatu kuasa berkesan untuk mewujudkan keamanan, keadilan dan kesederhanaan di rantau Asia Pasifik dan dunia.

Dalam meneraju arus arah pembangunannya, ASEAN telah menggariskan wawasan serantau yang dikenali sebagai Wawasan ASEAN 2020 : Perkongsian bagi Pembangunan Dinamik akan menempa integrasi ekonomi yang lebih rapat di dalam ASEAN. Pemimpin ASEAN berazam untuk memperkukuhkan lagi kerjasama

ekonomi ASEAN melalui strategi pembangunan ekonomi, seiring dengan hasrat penduduk ASEAN yang memberi keutamaan kepada pertumbuhan secara berterusan dan sama rata bagi memperkukuhkan lagi ketahanan nasional dan serantau.

Prestasi tinggi ekonomi ASEAN akan diteruskan melalui kerjasama yang sedia ada, mempertingkatkan pencapaian, memperluaskan usaha secara kolektif serta meningkatkan semangat saling bantu-membantu. Usaha-usaha akan dilakukan untuk



Perdagangan memainkan peranan penting terutamanya dengan pembaharuan Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA)

bergerak ke arah perpaduan serta integrasi ekonomi yang lebih kukuh, mengecilkkan jurang pembangunan di kalangan negara-negara anggota, memastikan sistem perdagangan pelbagai hala terus diamalkan secara adil dan terbuka.

Pemimpin ASEAN juga telah berikrar untuk mewujudkan Rantau Ekonomi ASEAN yang stabil, makmur dan berdaya saing di mana terdapat aliran

barangan, perkhidmatan dan pelaburan, pengaliran bebas modal, pembangunan ekonomi yang saksama serta pengurangan kadar kemiskinan dan perbezaan sosio ekonomi.

Di antara perkara-perkara utama yang akan dilaksanakan menuju ke arah tahun 2020 ialah;

- Mengekalkan kestabilan ekonomi makro dan perdagangan serantau dengan

mempertingkatkan rundingan berhubung dasar-dasar ekonomi makro dan kewangan.

- Mempercepatkan integrasi serta kerjasama ekonomi dengan mengamalkan strategi-strategi berikut ; melaksanakan sepenuhnya Kawasan Aman Bebas dan Berkecuali serta mempercepatkan liberalisasi perda-

ngan dalam bidang perkhidmatan, mewujudkan Kawasan Pelaburan ASEAN menjelang 2010 dan pengaliran bebas pelaburan menjelang 2020; mempergiat dan memperluaskan lagi kerjasama di kawasan pertumbuhan rantau kecil sedia ada dan baru; memperkukuh dan memperluaskan lagi hubungan serantau di luar ASEAN demi faedah bersama; beker-



Kawasan penapisan minyak di Paka, Terengganu

jasama untuk memperkukuhkan lagi sistem perdagangan pelbagai hala dan meningkatkan lagi peranan sektor perniagaan sebagai jentera pertumbuhan ekonomi.

- Memajukan sektor perusahaan kecil dan sederhana yang moden dan berdaya saing di ASEAN yang akan menyumbang ke arah pem-
- Membangunkan industri serta kecekapan di rantau ini.
- Mempercepatkan aliran bebas profesionalisme dan perkhidmatan lain di rantau ini.
- Mempertingkatkan liberalisasi sektor kewangan dan kerjasama di pasaran wang dan modal, percukaian, insurans serta perkara-



Perusahaan kecil dan sederhana menyumbang ke arah pembangunan industri serta kecekapan di rantau ini.




Pekerja-pekerja industri elektronik di Vietnam

- perkara mengenai urusan kastam dan rundingan berhubung dasar-dasar makro ekonomi serta kewangan.
- Mempercepatkan pembangunan dalam bidang sains dan teknologi termasuk teknologi maklumat dengan mewujudkan rangkaian teknologi serantau serta pusat-pusat kecemerlangan bagi penyebaran data dan maklumat.
- Mewujudkan persetujuan mengenai hubungan dalam bidang tenaga dan utility bagi tenaga elektrik, gas asli dan air di dalam ASEAN melalui Grid Tenaga ASEAN serta Saluran Gas dan Air merentasi ASEAN di samping memupuk kerjasama ke arah kecekapan dan pemuliharaan tenaga serta pembangunan sumber tenaga baru dan yang boleh diperbaharui.

- Meningkatkan keselamatan makanan dan daya saing antarabangsa bagi produk makanan, pertanian dan perhutanan untuk menjadikan ASEAN sebagai pengeluar utama produk-produk tersebut serta memajukan sektor perhutanan sebagai model pengurusan, pemuliharaan dan pembangunan hutan secara berterusan.
- Memenuhi permintaan yang sentiasa meningkat terhadap

pembangunan prasarana dan komunikasi dengan mewujudkan rangkaian pengangkutan merentasi ASEAN yang bersepadu dan harmoni memanfaatkan kemajuan yang terdapat dalam bidang telekomunikasi dan teknologi maklumat terutama dalam menghubungkan rangkaian maklumat/koridor multimedia yang dicadangkan di dalam ASEAN, mempromosikan dasar terbuka,




Malaysia menjadi peneraju utama dalam industri Komunikasi dan Multimedia di negara ASEAN

memajukan sistem pengangkutan, memudahkan urusan transit barangan dan mengintegrasikan rangkaian telekomunikasi dengan mempertingkatkan lagi daya hubungannya dan menyelaraskan tempoh pengiktirafan prosedur kelulusan.

- Meningkatkan lagi pembangunan sumber manusia dalam semua sektor ekonomi melalui pendidikan yang berkualiti, peningkatan

kemahiran, kemampuan dan latihan.

- Bekerja ke arah pencapaian sistem standard dan pematuhan yang bertaraf dunia bagi menghasilkan satu sistem yang harmoni untuk memudahkan pengaliran perdagangan secara bebas di dalam ASEAN serta memenuhi keperluan kesihatan, keselamatan dan alam sekitar.




Pembangunan dalam Telekomunikasi dan Teknologi Maklumat membolehkan pertukaran maklumat yang lebih cekap di kalangan negara ASEAN

- Menggunakan Yayasan ASEAN sebagai salah satu alat dalam menangani isu-isu berkaitan pembangunan yang tidak saksama, kemiskinan dan keadaan sosial ekonomi yang tidak adil.
- Memupuk perkongsian dalam perkara-perkara berkaitan kastam di dalam ASEAN untuk mencapai tahap cemerlang dan bertaraf dunia daripada segi kecekapan, profesionalisme, perkhidmatan dan keseragaman melalui prosedur-prosedur yang harmoni bagi tujuan meningkatkan perdagangan serta pelaburan di samping melindungi kekayaan dan kesejahteraan masyarakat ASEAN.
- Meningkatkan lagi perdagangan dan pelaburan intra ASEAN dalam sektor galian untuk menyumbang ke arah kecekapan teknologi di dalam ASEAN melalui jalinan rangkaian yang lebih rapat serta perkongsian maklumat mengenai galian dan geosains. Dengan memperkukuhkan lagi kerjasama dan perkongsian dengan

rakan-rakan dialog untuk mempercepatkan urusan pembangunan serta pemindahan teknologi dalam sektor galian terutama dalam bidang penyelidikan hiliran dan geosains serta mewujudkan mekanisme yang sesuai bagi tujuan ini.

Justeru itu pemimpin-pemimpin ASEAN telah berikrar untuk berusaha bersungguh-sungguh serta komited untuk menjadikan Wawasan ASEAN 2020 menjadi satu kenyataan.



Menara Kuala Lumpur, Malaysia

BAB SEPULUH

Penutup

ASEAN kini giat melipat gandakan usaha untuk menjadikannya lebih diketahui umum oleh rakyatnya serta masyarakat dunia. Media massa, sekolah, persembahan kebudayaan serta program-program penerangan

kerajaan menjadi saluran penting untuk tujuan ini. Hanya apabila dikenali dan difahami oleh masyarakat umum barulah ASEAN boleh mendapat sokongan padu yang diperlukan dalam menjayakan misinya.



Pemandangan PUTRAJAYA - pusat pemerintahan kerajaan Malaysia pada waktu malam.




ASEAN mengamalkan sikap memandang ke hadapan dalam memainkan peranan pentingnya di forum-forum antarabangsa dan dalam memperjuangkan kepentingan bersama. Pemimpin-pemimpin ASEAN ingin melihat ASEAN mempunyai hubungan yang lebih erat dengan rakan-rakan dialognya serta pertubuhan serantau lain yang berlandaskan perkongsian secara sama rata dan sikap saling hormat menghormati.

Cabaran-cabaran luar biasa yang dihadapi oleh dunia selepas tragedi 11 September, 2001 juga memberikan kesan terhadap ASEAN. ASEAN telah dan akan mengambil langkah-langkah yang berkesan dalam usaha memerangi keganasan meliputi pertukaran maklumat dan kepakaran yang tetap di samping memperkukuhkan kapasiti pembangunan kawasan. Pemimpin-pemimpin ASEAN telah bersetuju untuk meminimalkan kesan buruk serangan pengganas terhadap ekonomi serantau melalui kerjasama yang erat antara pihak berkuasa yang terlibat dalam polisi ekonomi dan kewangan sebagaimana yang telah dipersetujui dalam Deklarasi ASEAN 2001 Atas

Tindakan Bersama Menentang Keganasan (2001 ASEAN Declaration On Joint Action To Counter Terrorism).

ASEAN akan sentiasa berazam untuk maju dan memperkukuhkan lagi institusi dan mekanismenya bagi membolehkan pertubuhan ini mencapai wawasannya serta menghadapi cabaran kurun akan datang.





Angkor Watt



Persidangan Kemuncak ASEAN Pertama berlangsung di Bali, Indonesia pada 24 Februari, 1976

- **4 Ogos 1977 :**
Persidangan Kemuncak ASEAN Kedua berlangsung di Kuala Lumpur bersempena dengan ulangtahun kesepuluh penubuhan ASEAN. Pada persidangan inilah para pemimpin ASEAN mengadakan pertemuan sulung secara satu kumpulan dengan Ketua-ketua kerajaan Australia, Jepun dan New Zealand.
- **15 Disember 1987 :**
Persidangan Kemuncak ASEAN Ketiga berlangsung di Manila, Filipina. Dalam persidangan ini para pemimpin ASEAN memeterai Deklarasi Manila 1978 bagi mempercepatkan kerjasama ASEAN dalam bidang politik, ekonomi, sosial dan pembangunan manusia.
- **7 Januari 1984 :**
Brunei Darussalam diterima secara rasmi sebagai anggota ASEAN.
- **23 Oktober 1991 :**
Persidangan Antarabangsa mengenai Kemboja di Paris yang dipengerusikan oleh

negara Perancis. Indonesia yang mewakili ASEAN telah berjaya menemui penyelesaian politik dan sekali gus merintis jalan kepada pelaksanaan pilihanraya di bawah pengawasan Bangsa-bangsa Bersatu yang seterusnya menyaksikan kelahiran semula sebuah kerajaan Kemboja. Negara ini kemudiannya menganggotai ASEAN pada 1999.

- **28 Januari 1992 :** Persidangan Kemuncak ASEAN Keempat diadakan di Singapura. Para pemimpin
- **22 Julai 1992 :** Para Menteri Luar ASEAN mengumumkan Deklarasi ASEAN mengenai Laut

ASEAN menubuhkan Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA) melalui satu jadual pelaksanaan pengurangan tarif yang dikenali sebagai Skim Keutamaan Tarif Samarata Berkesan (Common Effective Preferential Tariff) Mereka juga membuat ketetapan bahawa ASEAN perlu berusaha mempertingkatkan lagi kerjasama ekonomi dan politik.



Brunei Darussalam diterima secara rasmi sebagai anggota ASEAN pada 7 Januari 1984

China Selatan. Pengisytiharan tersebut menggesa pihak-pihak yang bertelingkah mengenai wilayah-wilayah di Laut China Selatan supaya tidak bersifat keterlaluan dan sebaliknya menggunakan cara aman untuk mengatasi pertikaian di kalangan mereka.

- **25 Julai 1994 :**
Forum Serantau ASEAN (ASEAN Regional Forum) mengadakan mesyuarat sulungnya di Bangkok.

- **28 Julai 1995 :**
Vietnam menganggotai ASEAN.
- **15 Disember 1995 :**
Persidangan Kemuncak ASEAN Kelima berlangsung di Bangkok, Thailand. Semua 10 Ketua Kerajaan negara Asia Tenggara menandatangani Perjanjian Kawasan Bebas Senjata Nuklear Asia Tenggara. Mereka juga mencapai kata sepakat untuk mempertingkatkan lagi kerjasama dalam bidang pembangunan manusia dan sosial



Vietnam menganggotai ASEAN pada 28 Julai 1995



Laos dan Myanmar diterima sebagai anggota ASEAN pada 23 Julai 1997

- agar setaraf dengan kerjasama yang dicapai dalam bidang ekonomi dan politik.
- **23 Julai 1997 :**
Laos dan Myanmar diterima sebagai anggota ASEAN.
 - **15 Disember 1997 :**
Persidangan Kemuncak Tidak Rasmi ASEAN Kedua berlangsung di Kuala Lumpur. Para pemimpin ASEAN menerima pakai Wawasan 2020 ASEAN yang menggariskan arah tuju ASEAN dalam tempoh dua
 - **15 Disember 1998 :**
Persidangan Kemuncak Keenam ASEAN diadakan di Hanoi, Vietnam telah melahirkan Pelan Tindakan Hanoi (Hanoi Planning Action- HPA)
 - **30 April 1999 :**
Kemboja diterima sebagai anggota ASEAN. Dengan kemasukan negara Indochina itu, kesemua sepuluh negara Asia Tenggara menjadi anggota ASEAN.

- **30 November 1999 :**
Persidangan Kemuncak Tidak rasmi ASEAN Ketiga diadakan di Manila. Para pemimpin ASEAN memutuskan untuk mempercepat pelaksanaan AFTA, menubuhkan Majlis Menteri-menteri Luar sebagai suatu langkah berkesan untuk menangani perkara-perkara berkaitan keamanan dan keselamatan serantau di samping mempertingkatkan lagi kerjasama dengan jiran-jiran timur laut ASEAN iaitu China, Jepun dan Republik Korea dalam rangka kerja ASEAN + 3 Kerjasama Asia Timur.
- **5 November 2001 :**
Sidang Kemuncak ASEAN Ketujuh di adakan di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam. Dalam persidangan ini ASEAN bersama Rakan Dialog China, Jepun dan Korea berbincang mengenai keganasan dan mengutuk keras serangan keganasan ke atas Amerika Syarikat. ASEAN dan Rakan Dialog menekankan bahawa keganasan adalah suatu serangan terhadap kemanusiaan dan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu perlu memainkan peranan utama dalam memerangi

keganasan ini.

SIDANG KEMUNCAK DENGAN RAKAN DIALOG

- Sidang Kemuncak ASEAN + 3 Pertama diadakan di Kuala Lumpur, Malaysia(1997).
- Sidang Kemuncak ASEAN + 3 Kedua diadakan di Bangkok, Thailand (1998).
- Sidang Kemuncak ASEAN + 3 Ketiga diadakan di Manila, Filipina (1999).
- Sidang Kemuncak ASEAN + 3 Keempat diadakan di Singapura (2000).
- Sidang Kemuncak ASEAN + 3 Kelima diadakan di Bandar Seri Begawan, Brunei (2001)

Wajah-Wajah ASEAN















Penghargaan

Jabatan Perkhidmatan Penerangan Malaysia ingin merakamkan setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan di atas sumbangan bahan dan gambar untuk penerbitan buku ini kepada :

Sekretariat ASEAN, Jakarta Indonesia
Jabatan Kerjasama ASEAN, Kementerian Luar Negeri Malaysia
Dewan Bahasa Dan Pustaka Malaysia
Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (BERNAMA)
Kementerian Penerangan Brunei Darussalam
Kedutaan Kemboja di Malaysia
Kementerian Penerangan Indonesia
Kedutaan Laos PDR di Malaysia
Kedutaan Myanmar di Malaysia
Kedutaan Filipina di Malaysia
Kementerian Penerangan Singapura
Kedutaan Thailand di Malaysia
Kedutaan Vietnam di Malaysia
Unit Foto BERNAMA
Perpustakaan Foto, Jabatan Perkhidmatan Penerangan Malaysia

dan semua pihak yang telah memberi sumbangan idea dan nasihat dalam menjayakan penerbitan buku ini.